




AFFIN HWANG  
CAPITAL  
Asset Management

Out**think.** Out**perform.**

# EPF-MIS: **SIMPANAN SHARIAH**

Pilihan Simpanan Patuh Shariah



# Pelbagaikan Simpanan KWSP anda dengan Affin Hwang AM

Skim Pelaburan Ahli (SPA) KWSP merupakan satu skim pelaburan sukarela yang diperkenalkan pada November 1996 sebagai satu alternatif bagi ahli KWSP menambah simpanan persaraan mereka.

Di bawah skim ini, pencarum boleh memilih untuk memindahkan tidak melebihi 30% daripada simpanan yang melebihi amaun Simpanan Asas dalam Akaun 1 ke dalam produk unit amanah yang ditawarkan oleh Institusi Pengurusan Dana ("IPD").

## Manfaat SPA KWSP

	Peluang mempelbagaikan simpanan persaraan anda		Pelbagai pilihan dana bergantung kepada objektif dan ketahanan terhadap risiko
	Tiada pelaburan tunai diperlukan		Pendedahan kepada pelaburan di luar Malaysia
	Potensi pulangan yang lebih tinggi bagi menambah nilai keseluruhan simpanan KWSP anda		Pelaburan jangka panjang alternatif yang efektif

## Kelayakan

Ahli KWSP	Umur 18 – 54	Memiliki simpanan melebihi amaun Simpanan Asas dalam Akaun 1 yang ditetapkan
-----------	--------------	--

## Apa itu Simpanan Asas?

Simpanan Asas merujuk kepada amaun simpanan minimum yang diperlukan oleh pencarum untuk memenuhi keperluan asas mereka apabila mencapai umur persaraan.

Nilainya di dalam Akaun 1 ditentukan mengikut umur. Secara umumnya, pencarum yang lebih tua memerlukan lebih banyak simpanan asas.



## Pelan Simpanan Asas

Umur	Simpanan Asas (RM)	Umur	Simpanan Asas (RM)	Umur	Simpanan Asas (RM)
18	2,000	31	39,000	44	116,000
19	4,000	32	43,000	45	125,000
20	6,000	33	47,000	46	134,000
21	8,000	34	52,000	47	144,000
22	10,000	35	57,000	48	154,000
23	13,000	36	62,000	49	164,000
24	15,000	37	68,000	50	175,000
25	18,000	38	74,000	51	187,000
26	21,000	39	80,000	52	199,000
27	24,000	40	86,000	53	212,000
28	27,000	41	93,000	54	226,000
29	31,000	42	101,000	55	240,000
30	35,000	43	108,000		

## Bagaimanakah SPA KWSP Berfungsi?

30% daripada simpanan melebihi jumlah Simpanan Asas dalam Akaun 1

Pengiraan:  
(Jumlah simpanan dalam KWSP Akaun 1 - Simpanan Asas diperlukan dalam Akaun 1 KWSP) x 30%

Contoh:  
Irina adalah seorang ahli KWSP berusia 35-tahun dan dia mempunyai RM80,000 dalam Akaun 1 KWSP. Keperluan Simpanan Asas dalam Akaun 1 ialah RM57,000. Pengeluaran yang dibenarkan bagi KWSP-MIS ialah  $(RM80,000 - RM57,000) \times 30\% = RM6,900$

Jumlah simpanan minimum yang boleh dikeluarkan ialah RM1,000 dan tertakluk kepada jumlah simpanan lebihan berdasarkan syarat-syarat Simpanan Asas dalam Akaun 1.

## Tahukah Anda?

EPF



Konvensional

Shariah

Ahli KWSP mempunyai pilihan untuk mencarum dalam Simpanan Konvensional atau Simpanan Shariah

## Apakah Simpanan Shariah?

Simpanan Shariah ialah pilihan simpanan KWSP yang diuruskan dan dilaburkan menurut prinsip Shariah. Rangka kerja tadbir urus Shariah disediakan untuk memastikan Simpanan Shariah KWSP dikawal selia berlandaskan Shariah.



## Perbezaan antara Simpanan Shariah dan Simpanan Konvensional

### Simpanan Shariah

Ahli KWSP boleh memilih untuk menukar akaun mereka kepada Simpanan Shariah



Keahlian

Diguna pakai



Akad  
(Kontrak Shariah)

Berasaskan prestasi pelaburan patuh Shariah



Kadar Dividen

### Simpanan Konvensional

Simpanan Konvensional ialah pilihan asal bagi ahli-ahli KWSP jika mereka tidak memilih Simpanan Shariah

Tidak diguna pakai

Berasaskan prestasi pelaburan konvensional dan tertakluk kepada dividen minimum 2.5%

Diguna pakai



Pengendorangan oleh  
Jawatankuasa Penasihat  
Shariah (SAC) KWSP

Tidak dibenarkan untuk kembali kepada Simpanan Konvensional selepas tarikh kuat kuasa



Pertukaran Akaun

Tidak diguna pakai

Ahli mempunyai pilihan untuk bertukar daripada Simpanan Konvensional kepada Simpanan Shariah

# Bagaimana untuk mencarum dalam Simpanan Shariah?

Ahli KWSP perlu mengunjungi mana-mana kaunter KWSP dan mereka harus membawa MyKad untuk rakyat Malaysia, dan Pasport untuk pekerja asing untuk pengesahan identiti.



## Nota Penting


Ahli KWSP yang telah memilih Simpanan Shariah tidak dibenarkan membatalkan keputusan untuk kembali kepada Simpanan Konvensional selepas tarikh kuat kuasa.



## Penyelesaian Pelaburan Shariah

Penyelesaian pelaburan Shariah kami dikendalikan oleh pengurus luar, iaitu AIIMAN Asset Management Sdn. Bhd. ("AIIMAN"), anak syarikat milik penuh dan cabang pelaburan patuh Shariah Affin Hwang Asset Management Bhd.

AIIMAN adalah sebuah syarikat pengurusan pelaburan Islam yang mengendalikan aset bagi dana pencen, institusi, syarikat korporat, individu dengan nilai bersih tinggi dan individu mewah umum. Beribu pejabat di hab kewangan Islam dunia Kuala Lumpur, Malaysia, AIIMAN memberi tumpuan menyediakan penyelesaian pelaburan luar biasa dan inovatif yang tertumpu kepada ekuiti Asia dan Sukuk global. AIIMAN mempunyai pengalaman lebih sepuluh (10) tahun dalam industri pengurusan dana.



## Dana Shariah Affin Hwang AM di bawah SPA KWSP

JENIS DANA	AMAT RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI	AMAT TINGGI
Shariah	Affin Hwang Aiiman Money Market Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pasaran Wang Islamik/ Pendapatan</li><li>▪ Melabur di Malaysia</li></ul>	Affin Hwang Aiiman Income Plus Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Sukuk/Pendapatan</li><li>▪ Melabur di Malaysia</li></ul>	Affin Hwang Aiiman Balanced Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Islamik Seimbang/ Pendapatan &amp; Pertumbuhan</li><li>▪ Melabur di Malaysia</li></ul>	Affin Hwang Aiiman Asia (ex Japan) Growth Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Ekuiti (Shariah)/Pertumbuhan</li><li>▪ Melabur di Asia (kecuali Jepun)</li></ul>	
			Affin Hwang Aiiman Select Income Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Aset Campuran (Konservatif)/Pendapatan</li><li>▪ Melabur di Malaysia &amp; pasaran asing</li></ul>	Affin Hwang Aiiman Quantum Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Ekuiti Islam/ Pertumbuhan Modal</li><li>▪ Melabur di Malaysia</li></ul>	
				Affin Hwang Aiiman Growth Fund <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Ekuiti (Shariah)/Pertumbuhan</li><li>▪ Melabur di Malaysia</li></ul>	

*Note: Untuk dana pelbagai mata wang, ahli KWSP hanya boleh melabur dalam kelas mata wang MYR sahaja. Affin Hwang Aiiman Quantum Fund dahulu dikenali sebagai Affin Hwang Aiiman Equity Fund.*

### Penyata Amaran:

Salinan Prospektus / Prospektus Tambahan dan Halaman Serahan Produk untuk Affin Hwang Aiiman Money Market Fund ("AMMF"), Affin Hwang Aiiman Income Fund ("AIPF"), Affin Hwang Aiiman Balanced Fund ("ABF"), Affin Hwang Select Income Fund ("ASIF"), Affin Hwang Aiiman Asia (ex Japan) Growth Fund ("AAGF"), Affin Hwang Aiiman Quantum Fund ("AQF") (dahulunya dikenali sebagai Affin Hwang Aiiman Equity Fund), dan Affin Hwang Aiiman Growth Fund ("AGF") boleh diperolehi di pejabat jualan Affin Hwang Asset Management Berhad ("Affin Hwang AM") dan di laman web [www.affinhwangam.com](http://www.affinhwangam.com). Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus bertarikh 1 Mac 2017 dan Prospektus Tambahan bertarikh 25 Oktober 2019 (untuk ASIF), Prospektus bertarikh 22 September 2017 (untuk AIPF, ABF dan AGF), Prospektus bertarikh 22 September 2017 dan Prospektus Tambahan bertarikh 15 Julai 2020 (untuk AQF), Prospektus bertarikh 3 September 2018 dan Prospektus Tambahan bertarikh 25 Oktober 2019 (untuk AMMF), Prospektus bertarikh 8 Julai 2019 (untuk AAGF), serta Halaman Serahan Produk yang berkaitan sebelum melabur. Pelaburan dalam Dana yang dinyatakan di sini melibatkan risiko dan caj tertentu. Pelabur dinasihat untuk mempertimbangkan dan membandingkan fi dan caj serta risiko dengan teliti sebelum melabur. Pelabur perlu membuat penilaian sendiri mengenai risiko pelaburan dan mendapatkan nasihat profesional jika perlu. Harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, mungkin turun dan naik, dan prestasi masa lalu sesuatu Dana tidak seharusnya dijadikan panduan untuk prestasinya pada masa hadapan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memerlukan risalah ini dan tidak bertanggungjawab atas kandungannya serta dengan jelas menafikan kesemua liabiliti yang berbangkit daripada risalah ini. Sekiranya terdapat sebarang pertikaihan atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Melayu ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan digunakan dan ianya muktamad.

## #GrowWithUs

Ikuti kami:



AffinHwangAM



affinhwangam